

## **PROMOSI KEISTIMEWAAN 0% PERBANKAN PRIORITI HONG LEONG SEMASA HARI JADI ANDA**

Terakhir dikemas kini pada 5 Januari 2021

**“Promosi Keistimewaan 0% Perbankan Prioriti Hong Leong Semasa Hari Jadi Anda (“Promosi”)** Hong Leong Bank Berhad (193401000023 (97141-X)) (**“HLB”**) bermula pada 25 Januari 2021 dan berakhir pada 31 Disember 2021, termasuk kedua-dua tarikh (**“Tempoh Promosi”**), melainkan dimaklumkan sebaliknya dengan cara penghantaran di laman web HLB di [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my) (**“Laman Web HLB”**).

### **TERMA & SYARAT**

Terma dan syarat yang ditetapkan berikut terpakai untuk Promosi (**“T&S”**):

1. Promosi ini terbuka untuk penyertaan oleh semua pelanggan individu baru dan sedia ada Perbankan Prioriti HLB, warganegara Malaysia dan bukan warganegara Malaysia (**“Pelanggan PB”**), kecuali jika dimaklumkan sebaliknya.
2. **Pelanggan PB** dalam konteks ini merujuk kepada pelanggan individu HLB yang memenuhi kriteria kelayakan keahlian Perbankan Prioriti (**“Keahlian PB”**) yang merupakan jumlah gabungan Aset Di Bawah Pengurusan (**“AUM”**) Tiga Ratus Ribu Ringgit Malaysia (**RM300,000**) atau jumlah lain yang mungkin ditetapkan oleh HLB dari semasa ke semasa (**“Baki Minimum”**).
3. Bagi tujuan yang terkandung di sini, istilah **“AUM”** yang bererti Aset Di Bawah Pengurusan bermaksud semua jumlah yang tetap menjadi kredit bagi mana-mana Akaun Deposit Tetap (**“FD”**), Akaun Semasa dan Akaun Simpanan (**“CASA”**) dan/atau Akaun Mata Wang Asing dengan HLB dan jumlah pelaburan pokok dalam mana-mana Dana Unit Amanah (**“UT”**) dan/atau Instrumen Deposit Boleh Niaga Kadar Terapung (**“FRNID”**) dengan HLB pada satu-satu masa. Akaun Semasa Mortgage Plus akan dikecualikan sebagai sebahagian daripada AUM untuk membentuk kriteria kelayakan.
4. Sekiranya terdapat lebih daripada satu (1) orang yang memohon untuk Keahlian PB, satu akaun bersama haruslah dibuka. Pemegang akaun bersama yang namanya pertama terpapar dalam rekod HLB akan menjadi pemegang akaun utama (**“Pemegang Akaun Utama”**) dan pemegang akaun bersama yang lain adalah pemegang akaun sekunder (**“Pemegang Akaun Sekunder”**).
5. Pelanggan bukan individu tidak layak untuk menyertai Promosi ini, termasuk Syarikat, Entiti Perniagaan, Pemegang Akaun Peguamcara, Persatuan, Kelab, Sekolah, Pertubuhan, Organisasi Tidak Berasaskan Keuntungan, Milikan Tunggal, Perkongsian, Perkongsian Liabiliti Terhad dan Amalan Profesional yang yang didaftarkan atau diperbadankan di Malaysia.

### **TATA CARA PROMOSI**

6. Tertakluk kepada terma dan syarat yang terkandung di sini, Pelanggan PB yang memenuhi kriteria kelayakan berikut semasa bulan kelahiran\* mereka dan dalam

Tempoh Promosi ("**Pelanggan yang Layak**") akan layak menikmati **caj jualan 0% untuk pembelian Unit Amanah mereka ("Keistimewaan")**:

- a. melabur dalam mana-mana Unit Amanah terpilih, senarai yang tersedia boleh dilihat di mana-mana Pusat Perbankan Prioriti HLB atau Cawangan HLB ("**Pelaburan Terpilih**"). Pelaburan Terpilih haruslah memenuhi kriteria Jumlah Pelaburan Minimum dan Jumlah Pelaburan Maksimum yang dinyatakan dalam jadual di bawah; dan
- b. membuat bayaran untuk Pelaburan Terpilih.

Pelaburan Terpilih	Jumlah Pelaburan Minimum	Jumlah Pelaburan Maksimum	Keistimewaan
Unit Amanah seperti yang disenaraikan dan tersedia untuk dilihat di mana-mana Pusat Perbankan Prioriti HLB atau Cawangan HLB	RM50,000	RM150,000	Caj Jualan Unit Amanah pada <b>0%</b>

*Sebagai contoh, Pelanggan PB yang hari lahirnya jatuh pada 18 April 2021 layak menerima caj jualan sebanyak 1% bagi pembelian Unit Amanah beliau dari 1 April hingga 30 April 2021.*

7. Pelanggan yang Layak boleh merujuk kepada Pengurus Perhubungan HLB atau berkunjung ke Pusat HLB Priority Banking atau Cawangan HLB yang berhampiran untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai Promosi ini.

#### **URUS NIAGA PRODUK PELABURAN**

8. Pelaburan akaun bersama dianggap sebagai milik orang yang namanya muncul pertama dalam bentuk transaksi Pelaburan Terpilih ("**Pemegang Akaun Utama Pelaburan**"). Hanya Pemegang Akaun Utama Pelaburan yang layak untuk Promosi ini.
9. Setiap Pelanggan yang Layak berhak mendapat SEKALI Keistimewaan sahaja semasa Tempoh Promosi.
10. Bagi tujuan Klausa 6(a) di atas, tarikh dagangan **Pelaburan Terpilih** akan dianggap sebagai tarikh penempatan pelaburan. Untuk mengelakkan keraguan, tarikh dagangan haruslah jatuh dalam bulan kelahiran Pelanggan yang Layak berkenaan dalam Tempoh Promosi.
11. \*Bagi akaun bersama, tarikh dagangan haruslah jatuh dalam bulan hari jadi pemegang akaun bersama yang namanya muncul terlebih dahulu dalam bentuk transaksi pelaburan bagi Pelaburan Terpilih semasa Tempoh Promosi. Untuk mengelakkan keraguan, Pelanggan yang Layak tidak berhak mendapat Keistimewaan jika kriteria yang dinyatakan di bawah Klausa 6 di atas dipenuhi dalam mana-mana bulan lain semasa Tempoh Promosi.
12. Semua terma dan syarat, peraturan sedia ada yang mentadbir urus niaga Pelaburan Terpilih haruslah diguna pakai.

13. Pelaburan dalam Dana UT terpilih dalam Pelaburan Terpilih menggunakan dana yang dikeluarkan dari Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (“**KWSP**”) tidak dibenarkan.
14. Sekiranya Pelanggan yang Layak menggunakan hak bertenang Unit Amanah mereka atau sebarang urus niaga Pelaburan Terpilih ditolak atau dibatalkan oleh mana-mana pihak atas alasan apa sekalipun, Pelanggan yang Layak TIDAK berhak mendapat Keistimewaan seperti yang dinyatakan di dalam jadual di atas.
15. Terma dan syarat yang mentadbir urus niaga Unit Amanah dan produk dana Unit Amanah terpilih di bawah Pelaburan Terpilih dinyatakan dalam Prospektus dan Prospektus Tambahan terbaru yang berkenaan (jika ada) yang telah berdaftar dan diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia yang akan ditadbir oleh dan dikawal selia selaras dengan Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 (seperti dipinda) dan garis panduan dan arahan yang berkaitan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang berkenaan.
16. Penafian Unit Amanah: Dokumen ini bukan dimaksudkan sebagai jemputan atau tawaran untuk melanggan unit amanah, juga bukan rayuan oleh HLB untuk melanggan unit amanah oleh sesiapa. Pelabur dinasihatkan supaya membaca dan memahami isi kandungan prospektus yang telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, yang tidak mengambil tanggungjawab atas isi kandungannya, sebelum melabur. Senaskhah prospektus itu boleh didapati daripada mana-mana cawangan HLB atau pejabat Pengurus Dana. Sebarang terbitan unit yang berkaitan dengan prospektus ini hanya akan disempurnakan selepas menerima borang permohonan berkenaan yang disebutkan itu dan mengiringi senaskhah prospektus. Pelabur perlu maklum bahawa terdapat fi dan caj yang terlibat dalam pembelian unit amanah. Pelabur dinasihatkan supaya menimbang fi dan caj yang terlibat sebelum melabur dan berunding dengan penasihat kewangan berlesen atau penasihat profesional yang lain, jika ragu-ragu akan apa-apa ciri atau jenis dana ini. Sila maklum bahawa harga unit dan dividen yang dibayar, jika ada, boleh naik atau turun. Prestasi dana pada masa lalu bukanlah menjadi petunjuk akan prestasi masa akan datang. Pulangan atas pelaburan unit amanah tidaklah dijamin dan unit amanah bukanlah deposit bank atau obligasi HLB, juga tidak dijamin atau diinsuranskan oleh HLB dan terdedah kepada risiko pelaburan, termasuk kemungkinan hilang amaun pokok yang dilaburkan. Skim unit amanah dan unit-unit dalam skim-skim tersebut dan apa-apa wang yang dikeluarkan daripada deposit berinsurans untuk tujuan membeli unit dalam skim unit amanah tidak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (“**PIDM**”).

## **TERMA DAN SYARAT AM**

17. Dengan menyertal Promosi, Pelanggan yang Layak bersetuju:
  - a. untuk membaca, memahami, dan bersetuju mematuhi T&S yang terkandung di sini;
  - b. bahawa semua rekod urus niaga yang diambil oleh sistem HLB untuk tujuan menentukan sama ada Pelanggan PB adalah Pelanggan yang Layak akan dianggap tepat dan konklusif;

- c. bahawa keputusan HLB mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Promosi adalah muktamad, konklusif dan terikat ke atas semua Pelanggan yang Layak;
- d. bahawa T&S yang terkandung di sini, Perjanjian Perkhidmatan Pelaburan (jika berkenaan) dan Terma dan Syarat Akaun haruslah dibaca sebagai keseluruhan perjanjian. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan, T&S khusus yang terkandung di sini akan mengatasi setakat percanggahan tersebut; dan
- e. untuk mengakses Laman Web HLB secara kerap untuk melihat T&S dan memastikan sentiasa dikemas kini mengenai sebarang perubahan atau pindaan terhadap T&S.

18. HLB berhak untuk:

- a. menambah, memadam, menggantung atau mengubah T&S yang terkandung di sini, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, dengan notis terlebih dahulu menurut budi bicara HLB dengan cara menyiarkan di Laman Web HLB, atau dengan apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh HLB; dan
- b. membatalkan mana-mana Pelanggan yang Layak atas apa jua sebab sebagaimana HLB boleh menurut budi bicara mutlaknyanya yang dianggap sesuai untuk menyertai Promosi ini.

19. Pelanggan yang Layak yang telah melakukan atau disyaki melakukan apa-apa penipuan, perbuatan yang menyalahi undang-undang berhubung dengan mana-mana perkhidmatan dan/atau kemudahan yang diberikan oleh HLB/Hong Leong Islamic Bank Berhad atau telah diisytiharkan muflis (menurut petisyen oleh bank atau mana-mana pihak ketiga) atau tertakluk kepada sebarang prosiding kebangkrapan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi tidak layak untuk menyertai Promosi ini.

20. T&S yang terkandung di sini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pelanggan yang Layak bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa mahkamah Malaysia.

21. Perkataan yang merujuk kepada satu jantina termasuk semua jantina dan perkataan yang merujuk tunggal yang lain termasuk jamak dan sebaliknya.

**Akaun deposit dilindungi oleh PIDM sehingga RM250,000 bagi setiap pendeposit.**

**PELANGGAN DIINGATKAN BAHAWA PRODUK INI TIDAK DILINDUNGI OLEH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA. APA-APA WANG YANG DIKELUARKAN DARIPADA DEPOSIT YANG DILINDUNGI PIDM UNTUK TUJUAN MEMBELI APA-APA PRODUK PELABURAN TIDAK LAGI DILINDUNGI OLEH PIDM. IKLAN INI BELUM DISEMAK OLEH SURUHANJAYA SEKURITI MALAYSIA (SC).**